

Yang ada sangat dikehendaki dengan suatu cara yang bukan hanya di dalam rundingan tetapi yang mustahaknya di dalam amalan.

Yang dikehendaki dalam dakwah keluar hendaklah ada suatu golongan yang yang pekerjaannya menyampaikan ajaran-ajaran yang baik dari Islam dan akidah-akidah Islam yang sempurna yang tidak akan dapat dipegang melainkan oleh orang yang mempunyai akal. Banyak hal-halnya yang dicontohkan oleh al-Qur'ān yang dapat dikupas dan dijelaskan sebagai daya penarik untuk orang berfikir atas kesempurnaan akidah Islam yang disampaikan oleh junjungan Rasulullah SAW kepada sekalian manusia.

Dengan ini maka terpulanglah kepada golongan Islam memerhatinya dan hendaklah golongan-golongan Islam itu sendiri mengurangkan daripada berkata-kata dan membanyakkan beramal dan bekerja untuk kebajikan Islam. Mudah-mudahan ada golongan-golongan yang akan berjihad menegakkan bahagian ini – Amin.

* * *

Perhatian Dalam Sempena Yang Baik

23 September 1966 ini adalah menjadi Hari Kebangsaan 'Arabiyyah Sa'udiyah yang mengambil sempena Semenanjung Arab disatukan oleh Al-Malik Abdul Aziz al-Saud ayahanda Al-Malik Faisal yang ada sekarang pada 23 September 1932.

Banyak kemajuan yang didapati oleh kerajaan ini terutamanya dengan hasil minyaknya yang besar dan banyak khidmat-khidmat dan kebajikan yang dibuat untuk rakyat-rakyatnya khususnya dan untuk dunia Islam umumnya. Negara ini

terkenal kepada seluruh dunia Islam kerana raja yang memerintah di situ adalah memegang amanah mengawal dua al-Haramayn al-Sharifayn (Makkah dan Madinah) dan di dalam usaha-usaha memegang amanah itu adalah membuktikan bahawa kerajaan ini sentiasa berusaha memperbaiki tempat-tempat iaitu dengan mengadakan belanja-belanja yang besar dan mengadakan kemudahan-kemudahan dan bantuan-bantuan di dalam pekerjaan-pekerjaan menjalankan fardu-fardu haji yang dijalankan oleh tiap-tiap kaum muslimin yang beratus-ratus ribu banyaknya tiap-tiap tahun.

Bukan itu sahaja tetapi kelimpahan raja dan kerajaan yang memerintah itu diikuti pula di dalam cita-cita perkembangan umat Islam dan dengan kerana itu maka tidaklah hairan di mana-mana tempat ada usaha-usaha dan tujuan yang baik di dalam perkembangan Islam maka bantuan-bantuan diberi kepada usaha-usaha itu. Di tanah air kita ini bantuan-bantuan itu tidak putus-putusnya diberi oleh raja dan kerajaan 'Arabiyyah Sa'udiyah di dalam usaha-usaha perkembangan Islam yang mungkin belum ada tandingannya diberi oleh mana-mana pihak yang lain dan segala bantuan-bantuan itu adalah disampaikan dengan tujuan atas perkembangan-perkembangan Islam.

Bersempena dengan hari yang berbahagia ini sudah pada tempatnyalah kiranya raja dan kerajaan 'Arabiyyah Sa'udiyah yang bercita-cita untuk menghidupkan suatu ikatan persaudaraan Islam yang kuat di seluruh dunia dari negara-negara Islam dan orang-orang Islam bagi meluaskan lagi perhatiannya kepada usaha-usaha di dalam perkembangan-perkembangan menghidupkan semangat dan pengertian Islam dan memberi bantuan-bantuan di dalam

usaha mempertahankan kehormatan agama Islam daripada diserang, dikacau dan diracuni oleh orang lain.

Jika bantuan-bantuan yang dahulu hanya kepada madrasah-madrasah dan bangunan, sudah pada tempatnya di dalam cita-cita yang dibuat di dalam langkah-langkah kerajaan 'Arabiyyah Sa'udiyah dengan tajaannya di Universitinya di Madinah untuk mengadakan mubaligh-mubaligh Islam boleh ditaburkan di serata dunia, bantuan-bantuan diberi juga kepada badan-badan dakwah yang tersiar di seluruh dunia bagi menghidupkan semangat dan perjuangan Islam ke dalam dan membuat seruan yang jitu dan bernas keluar dari segenap penjuru serta mengusahakan sedapat-dapatnya, sebagai sifatnya tempat tumpuan himpunan umat Islam setiap tahun menjalankan usaha-usaha dan anjuran-anjuran yang berkesan bagi meluas dan menghidupkan pelajaran bahasa al-Qur'ān (bahasa Arab) bagi menjadi bahasa persatuan seluruh umat Islam di mana-mana jua di dalam dunia Islam ini. Dengan usaha ini *inshā' Allāh* kita berkeyakinan bukannya sahaja umat Islam akan dapat dikawal tetapi juga umat Islam akan dapat disatukan dan dengan demikian maka cita-cita ikatan Islam sedunia akan menjalar dengan hebatnya bukannya dari tanah-tanah Arab sahaja tetapi juga tanah-tanah yang di luar negara Arab yang beragama Islam.

Mudah-mudahan di dalam sambutan Hari Kebangsaan kerajaan 'Arabiyyah Sa'udiyah ini persoalan ini akan mendapat perhatian dan dijadikan sempena baik bagi bagi menghidupkan perkembangan persaudaraan Islamiah dengan menghidupkan ajarannya, akhlaknya dan segala-galanya didasarkan kepada kitab Allah dan sunnah Rasul-Nya *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam*